



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

**SURAT EDARAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2021**

---

**SUMBANGAN STAF UMT MELALUI PENGURANGAN ELAUN DALAM  
MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

**Tujuan**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai Sumbangan Staf UMT Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19.

**Latar Belakang**

2. Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat edaran JPA(S)63/168/1 Jld. 3 (4) bertarikh 1 Jun 2021 telah menyatakan tanda sokongan kepada Kerajaan dalam mendepani keadaan semasa dan pandemik COVID-19. Pihak JPA bersetuju supaya penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang sedang berkhidmat turut dapat menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana Negara melalui pengurangan sebahagian dari Imbuhan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)

**Pelaksanaan Pemakaian Arahan Sumbangan Penjawat Awam Melalui Pengurangan Elaun Dalam Mendepani Pandemik COVID-19**

3. Selaras dengan pelaksanaan keputusan Kerajaan, staf UMT yang sedang berkhidmat secara lantikan tetap, pinjaman dan kontrak sepenuh masa perlu menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana melalui pengurangan sebahagian daripada Imbuhan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuhan Tetap Khidmat

## SULIT

Awam (ITKA) bagi **tempoh 3 bulan mulai Julai hingga September 2021** seperti berikut :-

Bil.	Gred	Kadar Pengurangan
(i)	Gred Utama A/ Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima
(ii)	Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima
(iii)	Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima
(iv)	Gred 43 – 56 dan setara	5% daripada ITK/ ITKA yang diterima
(v)	Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima

4. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan faedah persaraan untuk staf UMT yang bersara dalam tempoh ini, kadar ITK dan ITKA asal akan diguna pakai dan tidak akan menjejaskan pemberian faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.
5. Pelaksanaan ini **dikecualikan** kepada staf yang sedang Cuti Tanpa Gaji (CTG) serta Anggota Barisan Hadapan (*frontliners*) UMT yang merangkumi petugas-petugas bagi Skim U di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan turut dikecualikan kepada Anggota Bahagian Keselamatan UMT yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 di UMT.
6. Sumbangan tambahan daripada staf yang terlibat amatlah dialu-alukan dan perkara ini boleh dimaklumkan kepada pihak Bendahari. Malah, bagi mana-mana staf yang tidak tersenarai juga boleh menghubungi pihak Bendahari untuk membuat pemotongan elaun yang berkaitan atau memberi sumbangan masing-masing.
7. Soalan lazim berkenaan pelaksanaan sumbangan staf UMT melalui pengurangan elaun dalam mendepani pandemik COVID-19 adalah seperti Lampiran 1.

### Tarikh Kuat Kuasa

8. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021.

**SOALAN LAZIM PELAKSANAAN SUMBANGAN STAF UMT MELALUI  
PENGURANGAN ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Siapakah yang terlibat dalam pelaksanaan sumbangan kepada Akaun Amanah Bencana?	Semua staf UMT daripada Gred 29 ke atas dan setara yang menerima emolumen [Imbuan Tetap Keraian (ITK)/ Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)] bagi tempoh Julai hingga September 2021.
2.	Bagaimanakah kaedah sumbangan ITK/ITKA ini akan dilaksanakan?	Sumbangan ini akan dibuat oleh Bendahari UMT melalui potongan ITK/ITKA antara bulan Julai hingga September 2021. Kadar sumbangan adalah berdasarkan jadual pengurangan elaun ITK/ITKA.
3.	Adakah sumbangan ITK dan ITKA berdasarkan kadar yang ditetapkan mesti disalurkan ke Akaun Amanah Bencana?	Ya, sumbangan ini mesti disalurkan ke Akaun Amanah Bencana Negara yang akan diuruskan oleh Bendahari UMT.
4.	Adakah staf bukan dari sektor kesihatan yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk dalam tafsiran Anggota Barisan Hadapan?	Ya, tertakluk kepada pengesahan Pendaftar UMT.
5.	Adakah staf yang sedang Cuti Tanpa Gaji (CTG) turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini?	Tidak. Hanya staf yang menerima emolumen penuh atau separuh sahaja terlibat dalam pelaksanaan sumbangan penjawat awam kepada Akaun Amanah Bencana.
6.	Adakah staf UMT boleh membuat sumbangan tambahan?	Ya, sumbangan tambahan amatlah dialu-alukan dan perlu dimaklumkan kepada pihak Bendahari UMT. (Sila hubungi pegawai berkaitan untuk pertanyaan lanjut).
7.	Adakah staf yang sedang bercuti bergaji penuh/ separuh gaji turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini dan berapakah kadar yang perlu disumbang?	Ya, semua staf yang menerima emolumen sama ada penuh atau separuh turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ITK/ITKA kepada Akaun Amanah Bencana. Amaun sumbangan adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan daripada amaun ITK/ITKA yang sedang diterima staf.
8.	Sekiranya pembayaran gaji bulan Julai telah diproses tanpa mengambil kira sumbangan, adakah pelarasan sumbangan ini masih perlu dibuat?	Ya, pelarasan sumbangan hendaklah dibuat mengikut ketetapan yang dikeluarkan.
9.	Bagi staf yang sedang dipinjamkan atau ditukar sementara ke agensi kerajaan	Kadar sumbangan bagi staf yang sedang dipinjamkan atau ditukar sementara di agensi kerajaan Malaysia adalah

## SULIT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	Malaysia, apakah kadar sumbangan yang perlu dibuat?	berdasarkan kadar ITK/ ITKA yang sedang diterima.
10.	Bagi staf yang sedang memangku, berapakah kadar sumbangan yang akan dibuat?	Sumbangan ITK/ ITKA adalah berdasarkan gred yang sedang dipangku.
11.	Sekiranya staf bersara/ meninggalkan perkhidmatan/ meninggal dunia pada 1 Julai 2021. Adakah staf terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini?	Bagi staf yang bersara atau meninggalkan perkhidmatan pada 1 Julai 2021, staf tidak terlibat dengan pelaksanaan sumbangan ini kerana staf tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021. Manakala, bagi staf yang meninggal dunia pada 1 Julai 2021, staf akan terlibat dengan pelaksanaan sumbangan ini kerana staf masih lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021.
12.	Sekiranya staf bersara/ meninggalkan perkhidmatan/ meninggal dunia pada 15 Julai 2021. Adakah staf terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini? Berapakah kadar sumbangannya?	Ya, kerana staf masih dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021. Namun, kadar sumbangan perlu dikira secara berkadar ( <i>proportionate</i> ) mengikut pengiraan emolument pada bulan tersebut.

### Pegawai yang boleh dihubungi :-

- a) Seksyen Gaji dan Kemudahan,  
Jabatan Sumber Manusia,  
Pejabat Pendaftar UMT.

Nama : Puan Marliana Binti Asaari  
Emel : marliana@umt.edu.my  
Telefon : 09-668 4816

- b) Seksyen Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti,  
Pejabat Bendahari UMT.

Nama : Puan Suryati Binti Salleh  
Emel : suryati@umt.edu.my  
Telefon : 09-668 4465